

PENSABITAN KESALAHAN PENYALAHGUNAAN TANDA HALAL: KAJIAN AWAL DARI ASPEK UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM

AZIZAH MOHD RAPINI

Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah Dengan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

azizah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Undang jenayah syariah di Malaysia tidak banyak memperuntukkan kesalahan berkaitan penyalahgunaan tanda halal atau kesalahan-kesalahan lain yang memberikan konotasi yang serupa. Seksyen 38 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 sebagai contoh telah memperuntukkan berkaitan kesalahan penyalahgunaan tanda halal iaitu mempamerkan logo halal dalam sebarang produk makanan atau minuman. Walau bagai manapun, sehingga kertas kerja ini ditulis, belum ada sebarang rekod pendakwaan terhadap kes berkaitan di mahkamah syariah dalam mana-mana penerbitan laporan kes mahkamah syariah. Dengan adanya beberapa undang-undang lain berserta peraturan-peraturan berkaitan penyalahgunaan tanda halal di bawah bidang kuasa mahkamah sivil sedikit sebanyak menyebabkan ketiadaan pendakwaan kesalahan yang sama di mahkamah syariah. Namun, ini tidak bermakna tiada ruang langsung kepada mahkamah syariah untuk mendengar kes-kes tersebut. Kajian ringkas ini merupakan kajian kualitatif berdasarkan undang-undang syariah di Malaysia untuk melihat potensi kes-kes sedemikian didengar atau dibicarakan sama seperti kes-kes lain di bawah bidang kuasa mahkamah syariah terutama dari aspek keterangan atau pembuktian. Kajian ini diharapkan boleh menjadi rujukan atau panduan bagi sebarang proses pendakwaan dan pensabitan kesalahan penyalahgunaan tanda halal kepada pengamal undang-undang syariah dan pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung dengan prosiding berkaitan. Secara umumnya, bagi kes-kes seperti ini pembuktian secara tidak langsung melalui keterangan dokumen dan *qarinah-qarinah* berkaitan merupakan keterangan yang paling relevan berbanding keterangan saksi untuk mensabitkan kesalahan tersebut melalui bahan-bahan bukti berbentuk barang yang boleh diperolehi di premis-premis penjualan produk berkaitan berserta sokongan laporan-laporan pihak berkuasa tempatan.

Kata kunci : kesalahan jenayah syariah, penyalahgunaan, halal, pensabitan, keterangan.

1. Pendahuluan

Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Jadual 9 Senarai Negeri telah memperuntukkan kesalahan berkaitan kepatuhan kepada ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Oleh yang demikian badan perundangan negeri berhak meggubal sebarang undang-undang berkaitan orang Islam selagi tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan termasuklah bidang kuasa menjatuhkan hukuman. Secara umumnya undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri memperuntukkan kesalahan-kesalahan berhubung dengan ‘aqidah, kesucian agama Islam dan institusinya, kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan, beberapa kesalahan pelbagai, prinsip kekecualian am serta peruntukan berkaitan penyubahatan dan bercubaan. Kesalahan berkaitan dengan topik kajian iaitu kesalahan penyalahgunaan tanda halal adalah terletak di bawah kategori kesalahan perlbagai. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya akan menjelaskan kesalahan tersebut dari aspek undang-undang keterangan atau pembuktian dalam proses pensabitan.

2. Latar Belakang Kajian

Undang-undang keterangan Islam secara umumnya dapat ditakrifkan sebagai undang-undang berkaitan pembuktian atau kaedah pembuktian sesuatu fakta di Mahkamah Syariah. Ia merupakan satu cabang undang-undang yang sangat penting untuk memastikan satu-satu kes didengar dengan adil. Sama pentingnya dengan undang-undang berkaitan tatacara di mahkamah, undang-undang keterangan membantu pihak-pihak dalam satu-satu kes membuat persediaan pembuktian supaya kes tersebut boleh diputuskan dengan adil dan efisien. Penghakiman dalam sesuatu kes banyak bergantung kepada bukti yang kukuh, mantap dan meyakinkan daripada pihak pendakwaan dalam kes jenayah syariah. Prinsip umum kehakiman Islam telah dijelaskan dalam al-Quran melalui firman Allah SWT yang bermaksud :

Wahai orang-orang Yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang Yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui Dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan.

(Surah al-Maidah 5:8)

Seksyen 38 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 telah memperuntukkan:

Mana-mana orang yang mempamerkan, pada mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal, apa-apa **tanda halal** yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan undang-undang di atas secara literalnya memberi maksud adalah menjadi satu kesalahan yang boleh di dakwa di mahkamah syariah sekiranya pengusaha makanan atau minuman atau pemilik restoran atau kafe hotel sebagai contoh jika mereka mengiklankan menu atau produk mereka sebagai halal walaupun menu atau produk makanan mereka tidak halal mengikut hukum syarak. Situasi ini juga mungkin boleh berlaku jika pengusaha restoran mengaburi mata pelanggan dengan meletakkan sebarang tanda yang menggambarkan sebagai restoran halal melalui penggantungan bingkai khat ayat-ayat al-Quran untuk menarik perhatian pelanggan muslim walaupun menu atau atau makanan yang dijual bercampur dengan menu atau bahan-bahan tidak halal. Atau pun boleh jadi pemilik kafe hotel atau resort mengiklankan menu bufet Ramadan sebagai halal sedangkan menu yang dihidang bercampur dengan menu yang tidak halal.

Disebabkan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah tidak meletakkan jumlah hukuman yang tinggi seperti undang-undang berkaitan penguatkuasaan halal di mahkamah sivil, sepatutnya penguatkuasaan dan pendakwaan kesalahan berkaitan penyalahgunaan logo halal di mahkamah syariah tidak menjadi suatu perkara yang sukar dengan wujudnya enakmen tatacara jenayah syariah dan enakmen keterangan mahkamah syariah negeri-negeri. Kecuali jika operasi penguatkuasaan tersebut melibatkan pengusaha makanan atau restoran yang bukan beragama Islam kerana mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa terhadap orang bukan beragama Islam. Seksyen 1, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 sebagai contoh, memperuntukkan:

(1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Enakmen ini hendaklah terpakai hanya bagi orang-orang Islam sahaja.

Kemungkinan inilah situasi yang berlaku yang sedikit sebanyak menjadi faktor utama ketiadaan pendakwaan bagi kesalahan tersebut di mahkamah syariah kerana kebanyakan pengusaha makanan atau restoran yang ingin meluaskan sambutan dalam kalangan pelanggan muslim adalah terdiri daripada pengusaha bukan Islam. Sekiranya mereka merupakan orang Islam sudah tentu aspek halal akan diambil berat kerana masyarakat Islam di Malaysia terutama dalam kalangan masyarakat Melayu sangat sensitif serta memelihara aspek halal haram dalam bahan atau menu makanan yang dijual.

Walau bagaimanapun, tidak bermakna undang-undang di atas tidak boleh dikuatkuasakan kerana restoran-restoran serta pengusaha-pengusahanya makanan termasuk pengusaha makanan sejuk beku yang dimiliki oleh orang Islam bukan Melayu (seperti India Muslim/'mamak', pengusaha warga negara Indonesia, warga arab Timur Tengah, Pakistan, Cina-Muslim dan lain-lain) sedang membangun dengan pesatnya. Apatah lagi ramai dalam kalangan mereka

menggunakan khidmat pekerja atau pelayan restoran yang bukan beragama Islam seperti warga India, Bangladesh atau warga Vietnam.

Melalui maklumat orang awam jika diperolehi oleh pihak penguatkuasa agama, kesalahan di atas boleh kuatkuaskan dengan efektif dengan persediaan yang mantap, bukan sahaja dari pihak penguatkuasa jabatan-jabatan agama Islam, tapi juga pihak pendakwaan sendiri supaya kesalahan tersebut boleh dididakwa dan disabitkan di mahkamah syariah, sekaligus menjadi peringatan kepada pengusaha-pengusaha makanan dan restoran supaya tidak memberi maklumat palsu terhadap status halal produk atau makanan mereka. Pihak pendakwaan (pendakwa syarie) seharusnya memiliki kemahiran bagaimana untuk mengenalpasti kewujudan elemen-elemen kesalahan tersebut berserta kaedah pembuktian yang sesuai untuk mencapai kes *prima facie* dan seterusnya boleh disabitkan.

3. Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan keperluan persediaan pihak pendakwaan dalam aspek keterangan berkaitan kesalahan penyalahgunaan logo halal. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kaedah pembuktian yang sesuai bagi mensabitkan kesalahan tersebut di mahkamah syariah.

4. Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan akan membantu pihak pendakwaan atau pegawai mahkamah syariah membina kemahiran dan keyakinan membawa serta mengendalikan kes-kes berkaitan penyalahgunaan logo halal. Kajian ini juga penting dalam memperkasa bidang kuasa dan peranan mahkamah syariah dalam usaha mengawal sebarang bentuk salah laku mempersendakan agama Islam melalui penipuan atau pemalsuan maklumat status halal sesuatu produk untuk kegunaan orang Islam.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan intelektual dalam bidang keterangan dan kehakiman Islam serta membuka ruang kajian seterusnya terhadap isu-isu yang akan dibincangkan supaya bidang ini akan lebih diterokai ke arah penambahbaikan sistem pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

5. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang hanya melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan fiqh, undang-undang dan perundangan Islam serta statut-statut berkaitan. Kajian ini menggunakan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 sebagai sampel

kajian dan rujukan statut yang utama kerana hampir kebanyakan enakmen yang sama bagi negeri-negeri lain di Malaysia termasuk akta-akta berkaitan di Wilayah Persekutuan mempunyai komponen serta peruntukan atau kandungan yang sama.

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, kebanyakan data dianalisis secara induktif dan komparatif melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui teks naskhah serta dokumen-dokumen berkaitan.

6. Jenis-jenis Keterangan Dan Pembuktian

Keterangan dan pembuktian sangat penting untuk membantu hakim memutuskan secara adil setelah memberi peluang kepada pihak-pihak mengemukakan keterangan dalam sebarang bentuk melalui pelbagai kaedah. Undang-undang keterangan Islam di Malaysia digubal dalam akta atau enakmen keterangan mahkamah syariah (selepas ini disebut sebagai SKMS bermaksud Statut Keterangan Mahkamah Syariah). Secara umumnya, istilah keterangan membawa maksud apa sahaja yang boleh dijadikan sebagai bukti di mahkamah dan membantu mahkamah memutuskan sesuatu kes sama ada dalam bentuk orang (saksi) atau dokumen dalam dan sebarang material yang berkaitan dengan sesuatu fakta yang menjadi pertikaian atau kes di mahkamah. Oleh sebab itu seseorang hakim tidak boleh memutuskan sesuatu kes tanpa keterangan atau bukti dari pihak-pihak yang bertikai. Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (selepas ini disebut sebagai EKMSS) memperuntukkan keterangan sebagai meliputi:

- (a) *bayyinah* dan *syahadah*
- (b) Segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara fakta yang disiasat; pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;
- (c) Segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut sebagai keterangan dokumentar

Istilah ‘*bayyinah*’ dalam EKMSS ditafsirkan sebagai keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah* dan tafsiran tersebut merupakan gagasan tafsiran daripada Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah dalam kitabnya al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Shayr'iyyah, yang merupakan kitab rujukan utama dalam bidang kehakiman dan keterangan Islam. Ibnu al-Qayyim telah meletakkan konsep yang luas terhadap *bayyinah* bagi memudahkan proses kehakiman dan untuk memelihara keadilan melalui penerimaan sebarang bentuk keterangan yang boleh membuktikan sesuatu hak atau kepentingan (Ibnu al-Qayyim, 2002:16). Konsep tersebut telah diserap masuk dalam pengubalan SKMS di Malaysia yang memberi ruang kepada pelbagai bentuk keterangan untuk dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai, tidak terbatas kepada kesaksian dan pengakuan sahaja.

‘*Qarinah*’ dalam tafsiran *bayyinah* pula ertiya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebutkan dalam SKMS atau dengan kata lain ia

merupakan keterangan keadaan yang boleh dikaitkan dengan sesuatu fakta. Manakala ‘syahadah’ pula ertinya apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz ‘asyhadu’ untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan. Istilah lain yang mudah difahami ialah kesaksian atau keterangan yang dikemukakan oleh seseorang saksi yang memenuhi syarat-syarat tertentu seperti yang ditetapkan oleh hukum syarak dan statut.

Istilah ‘dokumen’ juga telah ditafsirkan oleh SKMS termasuklah EKMSS sebagai apa-apa hal yg dinyatakan, diperihalkan atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain dengan menggunakan huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain, rakaman visual (imej kaku atau bergerak), rakaman bunyi; atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi dedenyut elektronik, atau apa jua pun data lain, rakaman; pemancaran, dari suatu jarak atau sebarang bentuk yang menggunakan salah satu atau kombinasi dari teknik-teknik seperti yang sebutkan tadi asalkan ia boleh memberikan maklumat sebagai bukti di mahkamah.

Daripada jenis-jenis keterangan di atas boleh disimpulkan bahawa keterangan di mahkamah syariah boleh dikemukakan dalam tiga bentuk utama iaitu:

- i. Keterangan Lisan – keterangan melibatkan pihak-pihak yang bertikai dan saksi-saksi yang dikemukakan oleh pihak-pihak (sama ada keterangan saksi tersebut diterima sebagai *bayyinah* atau *syahadah* atau sama ada keterangan tersebut melibatkan keterangan dengar cakap)
- ii. Keterangan dokumen – keterangan dalam bentuk tulisan atau apa sahaja material atau medium penyampaian maklumat bukan manusia seperti kertas, buku, akhbar, risalah, cakera padat, rakaman video dan sebagainya.
- iii. Keterangan keadaan – keterangan selain dari dua keterangan di atas yang melibatkan kesimpulan atau rumusan yang boleh dibuat berdasarkan tempat, kawasan sekeliling, keadaan premis, rupa paras seseorang, barang-barang rampasan dan sebagainya yang boleh dikaitkan dengan fakta yang mempunyai isu.

Oleh yang demikian, bagi kesalahan berkaitan penyalahgunaan logo halal, pihak pendakwaan boleh mengenalpasti keterangan-keterangan atau bahan bukti yang boleh dikemukakan di hadapan hakim untuk menyokong pendakwaan sekaligus boleh membantu hakim mensabitkan kesalahan sekiranya pembuktian pihak pendakwa mencapai tahap pembuktian yang tinggi.

Keterangan lisan boleh diperolehi melalui saksi-saksi yang terlibat dengan pemeriksaan atau serbuan terhadap premis-premis yang disyaki melakukan kesalahan berkaitan terutama pihak penguatkuasa agama dan pihak polis yang kebiasaannya terlibat dengan proses penyiasatan, penggeledahan atau tangkapan. Keterangan lisan juga boleh diperolehi dari mana-mana pihak yang mempunyai maklumat tentang operasi perniagaan peremis-premis yang mengeleluarkan produk atau restoran yang menyalahgunakan logo halal seperti pemilik premis perniagaan

berhampiran atau bersebelahan yang kebiasaanya mengetahui dan melihat perjalanan perniagaan premis-premis berhampiran. Atau pun mungkin pekerja-pekerja pengusaha permis itu sendiri yang boleh dipanggil oleh mahkamah untuk memberikan keterangan secara lisan.

Keterangan dokumen boleh diperolehi dari premis-premis yang disyaki melakukan kesalahan penyalahgunaan logo halal yang mengandungi maklumat berkaitan produk, promosi produk atau sebarang bentuk transaksi perjalanan perniagaan:

- i. Produk – contohnya senarai menu, senarai barang jualan, senarai harga produk, koleksi gambar produk.
- ii. Promosi – contohnya kain rentang promosi hidangan atau menu, promosi jualan gudang, pamphlet atau brosur berkaitan, rakaman video pengiklanan, keratan akhbar atau majalah berkaitan promosi produk dan pelekat (*sticker*) jenama produk yang tiada maklumat status halal.
- iii. Transaksi – contohnya resit-resit pelanggan, resit-resit pembelian bahan masakan atau bahan pembuatan produk, bil-bil utiliti, resit-resit logistik.

Keterangan dokumen merupakan jenis keterangan yang kuat selepas keterangan lisan apatah lagi jika dokumen tersebut mendapat pengesahan rasmi pihak-pihak berkuasa tempatan atau agensi kerajaan seperti Sijil Halal JAKIM dan sebagainya. Kaedah fiqh (كتابه كالخطاب) (Tulisan sama seperti percakapan) menjadi asas penting penerimaan keterangan dokumen mengikut undang-undang keterangan Islam.

Keterangan keadaan boleh direkodkan oleh penguatkuasa agama untuk dikemukakan sebagai keterangan terutama gambar-gambar yang diambil semasa proses pemeriksaan dan penggeledahan seperti gambar keadaan sekeliling premis, kebersihan hidangan atau kaedah pengendalian makanan atau produk, gambar stor, gambar bahan-bahan masakan atau pembuatan produk yang digunakan yang tidak mempunyai sebarang tanda status halal, gambar-gambar atau hiasan yang bertentangan dengan akidah Islam atau yang menggambarkan pegangan agama selain Islam. Keterangan keadaan juga boleh diperolehi melalui penyitaan atau rampasan barang-barang bukti yang boleh dikaitkan dengan ketiadaan penggunaan bahan yang berstatus halal seperti botol-botol arak atau minuman lain yang beralkohol, bahan-bahan masakan yang menggunakan bahan tidak halal, bahan-bahan masakan yang tiada status halal, hiasan patung berhala, hiasan ayat-ayat al-Quran yang dimanipulasi dengan niat mengaburi pelanggan Muslim dan sebagainya.

7. Beban Dan Tahap Pembuktian

Secara umumnya beban pembuktian (*burden of proof*) boleh ditakrifkan sebagai tanggungjawab mengemukakan keterangan tentang sesuatu fakta dalam isu atau dengan kata lain ia merupakan kewajipan membuktikan sesuatu. Persoalan siapa atau pihak mana yang akan memikul beban pembuktian dalam sesuatu kes bergantung juga kepada peruntukan undang-undang dan kaedah-kaedah perundungan atau fiqh. Tahap pembuktian pula memberi maksud

jumlah atau piawaian pembuktian yang diperlukan bagi sesuatu kes untuk dicapai sebelum hakim membuat keputusan (Mahmud Saedon, 1991: 16).

Ahmad Ibrahim pernah menegaskan bahawa penentuan beban pembuktian atau pihak mana yang memikul beban pembuktian beserta berat beban pembuktian yang diperlukan merupakan antara elemen yang sepatutnya ada atau terkandung di dalam sesuatu alasan penghakiman sesuatu kes di mahkamah syariah.(Ahmad Ibrahim, 1997:126, lihat juga Ahmad Hidayat Buang, 2008:14).

Seksyen 73 EKMS memperuntukkan beban pembuktian kewujudan sesuatu fakta dipikul oleh pihak yang muah mahkamah beri penghakiman tentang sesuatu hak atau tanggungan(liabiliti) menurut undang-undang berdasarkan fakta yang dikemukakan olehnya. Peruntukan tersebut membawa maksud sekiranya seseorang/pihak-pihak kena buktikan sesuatu fakta bermakna dia pikul beban pembuktian. Oleh yang demikian, bagi kes jenayah syariah, pihak pendakwaan atau pendakwa syarie ialah pihak utama yang memikul beban pembuktian untuk megemukakan bukti-bukti yang kukuh supaya kesnya boleh disabitkan dengan kesalahan berkaitan dan dijatuhkan dengan hukuman yang wajar menurut undang-undang sedia ada.

Kaedah umum berkaitan beban pembuktian diambil dari hadis Rasulullah s.a.w :

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدْعَاهُمْ لَا دُعَى رَجُلٌ أَمْوَالٌ قَوْمٌ وَدَمَاءُهُمْ، لَكِنَ الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدْعِيِّ وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ

Jika manusia dibenarkan setiap dakwaannya, tanpa bukti, maka sudah tentu manusia akan mendakwa darah dan harta orang lain , tetapi keterangan ke atas pihak yang mendakwa dan sumpah ke atas pihak yang ingkar/menafikan.

(Hadis Riwayat al-Bayhaqi, dan Ahmad)

Prinsip dari hadis di atas juga telah diperuntukkan di dalam Perkara 76 Majallatul Ahkam al-'Adliyyah (The Mejelle) sebagai prinsip keterangan.

Evidence is for the person who claims, the oath for the person who denies. (The Mejelle:13)

Beberapa kaedah fiqh boleh digunakan bagi menyokong prinsip ini dalam kes-kes mal sama ada yang berkaitan dengan kehartaan muah pun kes di bawah undang-undang keluarga Islam di Mahkamah Syariah.

الأصل عدم

Asal sesuatu itu tidak ada. (as-Sayuti, 1996: 80)

Kaedah di atas memberi maksud asal sesuatu itu tidak ada atau tidak wujud jika tidak dibuktikan sebaliknya. Ini adalah anggapan yang boleh ditolak dengan cara dibuktikan sebaliknya. (Mahmud Saedon,1993:335). Keadaan seperti ini mungkin berlaku dalam kes-kes yang melibatkan penentuan ‘iddah atau tuntutan mas kahwin selepas berlakunya talak apabila tumbul isu sama ada telah wujud persetubuhan atau pun belum.

Penghakiman kes *Pendakwa Syarie lwn. Mahadi dan Noridah*¹ dan kes *Pendakwa Syarie lwn. Jaiman Bin Masta @ Mastah Dan Jamidah Bte Abdul Majid*² kedua-duanya menjelaskan isu beban dan tahap pembuktian yang menunjukkan tanggungjawab pihak pendakwaan untuk mengemukakan keterangan dan pembuktian melampaui keraguan munasabah (*ghalabatuzzonn*) supaya kesalahan khalwat mereka boleh disabitkan. Walau bagaimanapun kedua-dua kes tersebut tidak dapat disabitkan disebabkan kelemahan serta ketidakkonsistenan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Kedua-dua kes di atas juga telah memberikan panduan tahap pembuktian kes jenayah syariah di Malaysia yang perlu mencapai paling sekurang-kurangnya sehingga melampaui keraguan munasabah (*ghalabatuzzon*) atau *beyond reasonable doubt* kerana kesalahan khalwat tidak terjumlah ke dalam kategori kesalahan hudud yang memerlukan tahap pembuktian yang lebih tinggi tanpa keraguan / meyakinkan (*al-yaqin*) atau *beyond shadow of doubt*.

Oleh kerana kesalahan penyalahgunaan logo halal hanya berada dalam kategori kesalahan takzir , makan tahap pembuktian hanyalah setakat pembuktian melampaui keraguan munsabah sahaja. Namun begitu, tahap pembuktian tersebut tidak akan tercapai sekiranya pihak pendakwa syarie yang membawa kes kesalahan penyalahgunaan logo halal tidak berjaya mengemukakan keterangan-keterangan yang kukuh dan konsisten kerana beban pembuktian adalah terpikul ke atas bahu pihak pendakwaan. Oleh yang demikian, pihak pendakwaan perlu memastikan jenis-jenis keterangan yang hendak dikemukakan mencukupi atau tidak, kaedah-kaedah pembuktian yang digunakan sesuai atau kurang sesuai dan sama ada keterangan di pihaknya konsisten atau pun sebaliknya. Seksyen 87 (3) EKMSS memperuntukkan :

Dalam kes jenayah, keterangan hendaklah diberikan bagi pendakwa dan bagi tertuduh melainkan jika tertuduh mengaku salah.

Oleh sebab itulah pihak pendakwaan perlu memastikan persediaan yang rapi bermula dari kes bagi kesalahan tersebut disebut di hadapan hakim, peringkat pertuduhan dan yang paling teknikal ialah bila kes tersebut dibicarakan atas sebab tiada pengakuan bersalah direkodkan dari pihak tertuduh. Persediaan-persediaan tersebut melibatkan rekod-rekod atau catatan-catatan semasa proses penyiasatan, fail pendakwaan yang lengkap, senarai saksi yang boleh memberikan kerjasama dengan baik, set-set soalan pemeriksaan saksi yang mantap, bahan-bahan bukti lain yang tersusun dan relevan serta penghujahan yang bernas dan meyakinkan bagi memastikan kehendak beban dan tahap pembuktian dipihaknya dipenuhi.

¹ (1998) 12/1 JH 55.

² (2005) 20/1 JH 154.

8. Kaedah Pembuktian

Tidak seperti kes mal yang kadang-kadang melibatkan penggunaan sumpah atau *al-yamin*, kesalahan penyalahgunaan tanda halal hanya boleh dibuktikan dengan sekurang-kurangnya tiga kaedah pembuktian yang sesuai iaitu *iqrar* (pengakuan), *syahadah* (kesaksian) dan *qarinah* (keterangan keadaan).

8.1 *Iqrar* (Pengakuan)

Seksyen 17 EKMSS telah metakrifkan *iqrar* sebagai suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak. *Iqrar* yang dimaksudkan dalam enakmen ini hendaklah dibuat di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang *aqil*, *baligh* dan *'adil*.

Iqrar merupakan kaedah pembuktian yang paling kuat menurut undang-undang keterangan Islam kerana pembuktianya mencapai ke tahap *al-yaqin* dan tanpa keraguan. Seksyen 96 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan *iqrar* dalam kes jenayah menggunakan istilah pengakuan bersalah yang diterima oleh mahkamah dengan syarat-syarat tertentu iaitu sebelum suatu akuan bersalah direkodkan, Mahkamah hendaklah menentukan bahawa tertuduh memahami sifat dan akibat daripada akuannya itu dan dia berniat untuk mengakui, tanpa bersyarat, kesalahan yang dikatakan terhadapnya itu.

Dalam kes penyalahgunaan logo halal, *iqrar* boleh diterima dalam dua bentuk:

- i. Pengakuan bersalah tertuduh terhadap kesalahan berkaitan selepas pertuduhan dibaca.
- ii. *Iqrar* atau pengakuan-pengakuan yang berkaitan dengan kesalahan tersebut sama ada dari tertuduh yang minta dibicarakan atau pihak-pihak lain. Sebagai contoh, tertuduh mengaku telah tidak memperbaharui lesen halal sejak beberapa tahun, atau tertuduh mengaku membeli bahan mentah dari pembekal-pembekal bukan Islam atau tertuduh sendiri mengaku bukan beragama Islam atau tertuduh mengaku mengupah pekerja-pekerja bukan beragama Islam untuk menjimatkan kos operasi perniagaan.

Bagi *iqrar* jenis kedua, pihak pendakwa boleh menggunakan fakta tersebut sebagai *qarinah* kerana ia sangat berkaitan rapat dengan kesalahan penyalahgunaan logo halal.

8.2 *Syahadah* (Kesaksian)

Saksi ialah pihak yang boleh memberikan keterangan kerana dipercayai mengetahui fakta tentang sesuatu kejadian dan keterangan itu sama ada dalam bentuk *syahadah*, jika menepati syarat-syarat syaratnya atau pun hanya diterima sebagai *bayyinah* (keterangan bersifat umum tanpa terikat dengan syarat-syarat *syahadah*) (Siti Zubaidah, 2016). Saksi dalam kes jenayah syariah dipanggil bagi pihak pendakwa syarie atau tertuduh. Saksi dalam sesuatu prosiding mahkamah mempunyai kaitan rapat dengan keadilan dalam sistem kehakiman Islam kerana keputusan hakim banyak bergantung kepada kekuatan bukti atau keterangan pihak-pihak sama ada keterangan tersebut dalam bentuk saksi atau dokumen. Ini boleh dibuktikan melalui prinsip umum kehakiman yang terkandung dalam firman Allah SWT :

Wahai orang-orang Yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang Yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui Dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan.

(Surah al-Maidah 5:8)

Seksyen 83 EKMSS memperuntukkan:

- (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah **kompeten** untuk memberikan *syahadah* atau *Bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah '*aqil, baligh, adil*', mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Huraian—Seseorang Islam adalah disifatkan '*adil*' jika dia menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

Peruntukan di atas menunjukkan saksi untuk diterima kesaksiannya sebagai *syahadah* mestilah memenuhi kriteria seperti yang telah ditetapkan dalam peruntukan di atas. Walau bagaimanapun sekiranya saksi pihak pendakwaan tidak memenuhi kriteria tersebut, keterangannya tetap diterima sebagai *bayyinah* tetapi perlu disokong dengan keterangan-keterangan lain sehingga dilihat sebagai mencukupi untuk mejadikan kes pendakwaan kuat.

Dalam kes kesalahan penyalahgunaan logo halal, pihak-pihak berikut boleh dikemukakan sebagai saksi sama ada melalui notis, sepina atau saksi sendiri sukarela hendak memberikan keterangan:

- i. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) – PPA ialah pihak yang biasanya dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagai saksi untuk membuktikan kes pendakwaan. Saksi-saksi dalam kalangan PPA merupakan saksi-saksi yang sangat relevan kerana terlibat secara langsung dalam operasi serbuan atau penggeledahan dengan syarat keterangan dalam kalangan mereka konsisten di antara satu sama lain.
- ii. Pelanggan/orang awam – pelanggan atau orang awam yang pernah menggunakan produk pengusaha/penjual/peniaga berkaitan boleh juga dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagai saksi sekiranya mereka mahu memberikan kerjasama untuk mengemukakan keterangan berkaitan pengalaman pembelian/penggunaan produk berkaitan, terutama pelanggan atau pengguna yang mengemukakan aduan atau mengesyaki berlaku penyalahgunaan logo halal.
- iii. Jiran/pengusaha/peniaga berdekatan – sekiranya premis pengusaha produk yang disyaki melakukan kesalahan penyalahgunaan logo halal berada berhampiran kawasan perumahan atau kawasan perindustrian atau di mana-mana pusat perniagaan maka jiran-jiran atau peniaga berdekatan boleh dikemukakan sebagai saksi pendakwaan sekiranya mereka mempunyai maklumat berkaitan operasi premis perniagaan yang disyaki melakukan kesalahan.
- iv. Pekerja premis perniagaan berkaitan juga merupakan saksi paling penting yang boleh dikemukakan bagi memberikan keterangan berkaitan operasi harian perniagaan.

Berdasarkan undang-undang keterangan mahkamah syariah, mana-mana pihak termasuk pihak pendakwaan adalah terikat untuk mematuhi peruntukan berkaitan bilangan saksi yang hendak dikemukakan hendaklah sekurang-kurangnya dua orang lelaki atau seorang lelaki berrsama dua orang wanita.³

8.3 *Qarinah*

Qarinah atau keterangan keadaan merupakan kaedah pembuktian yang sangat penting bagi mengukuhkan bukti-bukti melalui keterangan saksi, terutamanya bila tiada sebarang pengakuan direkodkan. *Qarinah* menurut undang-undang keterangan mahkamah syariah bermaksud sebarang fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara sekali pun setakat yang dibenarkan oleh mahkamah syariah sama ada melalui dokumen atau keterangan lisan berkaitan fakta relevan seperti keterangan pakar, keterangan saksi yang tidak memenuhi syarat *syahadah* atau melalui sebarang kaedah pengemukaan bukti selagi ia ada kaitan dengan fakta yang menjadi isu.⁴ Kemungkinan keterangan-keterangan tersebut boleh membantu pihak pendakwaan untuk membuktikan motif, persediaan dan sebarang kelakuan pengusaha/peniaga dalam operasi harian mereka menjual produk dengan cara menipu orang awam bahawa produk mereka adalah halal. Atau pun sebarang bahan atau barang yang

³ Seksyen 86 (5) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

⁴ Seksyen 3 dan 5 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

ditemui atau dirampas oleh pihak penguatkuasa mempunyai kaitan rapat dalam menghasilkan atau menjual produk makanan atau minuman yang didakwa sebagai halal.⁵

Dalam kes berhubung kesalahan penyalahgunaan tanda halal, maka sebarang bukti atau bahan bukti yang diambil atau dikemukakan oleh PPA kepada pihak pendakwaan sekiranya ia disyaki sangat berkait rapat dengan kesalahan tersebut maka bahan bukti tersebut boleh menjadi keterangan *qarinah* untuk membuktikan wujudnya elemen kesalahan berkaitan. Sebagai contoh rakaman CCTV operasi premis berkaitan, rakaman perbualan, *screenshot* perbualan/emel/gambar, rakaman video telefon bimbit oleh orang awam, pamphlet-pamphlet promosi, bahan-bahan asas pembuatan produk makanan dan minuman, fail-fail, rekod atau laporan kewangan syarikat berkaitan dan sebagainya. Tidak seperti *syahadah*/kesaksian, pembuktian melalui *qarinah* merupakan pembuktian yang paling mudah dan penting terutama bagi mengukuhkan keterangan saksi-saksi yang belum tentu konsisten di antara satu sama lain. Apatah lagi dengan perkembangan teknologi dan tahap penggunaan gajet yang tinggi dalam kalangan masyarakat sebenarnya boleh membantu pihak pendakwaan melalui bukti yang boleh diambil dari rakaman atau gambar melalui aplikasi *facebook*, *whatsapp*, *instagram* dan sebagainya.

9. Rumusan Dan Cadangan

Proses pensabitan sesuatu kesalahan jenayah syariah bukan merupakan proses yang mudah walau pun hukuman yang telah diperuntukkan tidaklah setinggi hukuman kesalahan jenayah di mahkamah sivil. Selain undang-undang berkaitan tatacara jenayah syariah, undang-undang keterangan mahkamah syariah merupakan sumber perundungan utama dirujuk untuk mengenalpasti kaedah-kaedah pembuktian yang sesuai supaya prosiding pendakwaan berjalan dengan lancar dan kes boleh dibuktikan serta disabitkan sekiranya pihak pembelaan gagal. Oleh kerana kesalahan penyalahgunaan logo halal merupakan kesalahan yang kurang popular di jabatan-jabatan agama Islam dan jabatan pendakwaan syariah negeri-negeri, tidak bermakna kes tersebut tidak boleh didakwa di mahkamah syariah. Bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang menunjukkan kepelbagaian jenis kesalahan di bawah bidangkuasa mahkamah syariah. Ia secara tidak langsung menunjukkan peranan agensi penguatkuasa dan pendakwaan syariah dalam mengawal aktiviti masyarakat Islam dari terlibat dengan kesalahan-kesalahan jenayah syariah melalui proses pendakwaan yang telus dan efektif. Dan pensabitan kesalahan jenayah syariah berkaitan penyalahgunaan logo halal banyak bergantung kepada persediaan keterangan pihak pendakwaan melalui kaedah-kaedah pembuktian yang sesuai dan relevan.

Seperti juga kes-kes jenayah syariah yang lain, pembuktian yang biasa dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah saksi dan *qarinah*. Melainkan sekiranya pihak tertuduh mengaku bersalah (*iqrar*) maka saksi dan *qarinah* tidak begitu penting. Kes akan menjadi lebih teknikal sekiranya

⁵ Seksyen 8 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

tertuduh tidak mengaku bersalah dan ingin dibicarakan maka pada masa inilah pihak pendakwaan perlu bijak mengenalpasti kaedah keterangan terbaik bagi mengukuhkan kesnya. Walau pun kebiasaananya pihak pendakwaan akan mengemukakan saksi-saksi dalam kalangan PPA, namun risiko keterangan yang tidak konsisten di antara mereka adalah besar dan ini boleh menjelaskan kes pendakwaan. Oleh yang demikian, pengkaji melihat *qarinah* sebagai kaedah pembuktian yang sangat penting dan lebih kuat dari kesaksian. Dengan perkembangan teknologi berserta penggunaan gajet yang semakin dinaiktaraf melalui pelbagai bentuk aplikasi, pihak penguatkuasa dan pendakwaan perlu lebih proaktif mengenalpasti kaedah keterangan yang sesuai atas ‘tiket’ *qarinah* untuk mendapatkan bukti-bukti yang kuat supaya kes-kes berkaitan kesalahan penyalahgunaan logo halal boleh disabitkan.

10. Bibliografi

- ‘Abdul Karim Zaydan. (1983). *Nizam a-Qada*. Baghdad: Matb’ah al-Ma’ani.
- ‘Ali Ahmad al-Madwi. (1994). *Al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Ahmad Fathi Bahnasi (1983). *Nazariyat al-Ithbat Fi al-Fiqh al-Jina’i al-Islami*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Ahmad Hidayat Buang, “Penulisan Teks Penghakiman Dalam Perundangan Islam” dalam Ruzman Md. Noor (ed). (2008). *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Amir Husin Mohd Nor, Zuliza Kusrin & Che Maryam Ahmad, “Kesaksian Dalam Undang-undang Keterangan Islam” dalam Siti Zalikhah Md. Nor et al (2006) *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Juzu’ 8. Damsyiq: Dar al-Fikr, 1997.
- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah. (2002). *Al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Shar’iyyah*. Kaherah: Darul Hadith.
- Jalaluddin ‘Abdul Rahman al-Sayuti. (1996). *Al-Asybah wa al-Nazair*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Hamid Jusoh. (2007). *Tazkiyah al-Syuhud* dalam Nasimah Hussin et. al. *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Jil. Ke-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. Ed. Ke-3. (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (1991). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
-
- _____. “Pendekatan Siyasah Syar’iyyah Dalam Pentadbiran Negara”, *Jurnal Undang-undang IKIM* 4, no. 1 (Januari-Jun 2000), m.s.81.
-
- _____. (1996). *Institusi Pentadbiran Undang-undang Dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
-
- _____. (1995). “Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah:Satu Analisis”, Dalam *Undang-undang Keterangan Dan Prosedur di Mahkamah*, ed. Abdul Monir Yaacob.Kuala Lumpur: IKIM, 1995.
- Mohd Nadzri Haji Abdul Rahman Ibrahim (2011). *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah*. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources.

- _____. (2015). Peguam Syarie Dan Litigasi Mal di Musa Awang. (2015). Seni Guaman Syarie Siri 1, Penyunting Zulkarnain Lukman & Fakhrul Abu Hasan. Kuala Lumpur: Persatuan Peguam Syarie Malaysia.
- Nasimah Hussin et al. *Undang-undang Islam Jenayah, Keterangan Dan Prosedur*. (2007). Jilid 13. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif*. Tanjung Malim: Penerbitan UPSI.
- The Mejelle. (2006). terj. C.R. Tyser. D.G. Demetriades & Ismail Haqqi Effendi. Petaling Jaya: The Other Press.
- Ruzman Md. Noor. "Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia", *Jurnal Syariah* 16 (2008):345-366.
- _____. "Kesaksian Dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Mazhab Syafie", *Jurnal Fiqh* 5 (2008): 143-167.
- Siti Zalikhah Haji Md. Nor et.al. (2004). *Al-Syariah Kehakiman Islam*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- _____. (2016). *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Statut Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri di Malaysia.*